

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"SEHUBUNGAN ini, beta telah pun memperkenankan beberapa reformasi penting, termasuk reformasi ekonomi (economic reforms), yang diharapkan dapat memenuhi hajat kita untuk mempelbagaikan ekonomi negara".
- Titali Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.49

SUBUH
4.59

SYURUK
6.17

DUHA
6.39

ZUHUR
12.24

ASAR
3.27

MAGHRIB
6.28

ISYAK
7.38

TAHUN 65 / BILANGAN 42

6 APRIL 2020 / 1441 شعبان 12

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

Rukyah anak bulan Ramadan 1441 Hijrah, 23 April

Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam mengumumkan kepada orang ramai, terutama umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Syaaban 1441 Hijrah adalah jatuh pada Khamis, 26 Mac 2020.

Maka berikut dengan itu, Nisfu Syaaban bagi Tahun 1441 Hijrah jatuh pada petang Rabu malam Khamis, 8 April 2020 Masihi.

Berikut dengan itu juga, ketetapan bagi meruayah anak bulan Ramadan 1441 Hijrah akan dilakukan pada petang Khamis, 29 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 23 April 2020 Masihi di tempat-tempat berikut, iaitu Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Tanjung Batu, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Amboq, Daerah Tutong; dan Bukit Lumut, Daerah Belait.

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 5 APRIL 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN	135
JUMLAH KEMATIAN	1
JUMLAH KES YANG SEMBUH	73

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19
Waktu Operasi 24 jam setiap hari

148

Tiada kes baharu dicatatkan, langkah pencegahan tetap dipatuhi



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tidak ada kes baharu yang disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini dan sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal sebanyak 135 kes setakat ini.

Walau bagaimanapun, penularan wabak COVID-19 ini masih belum berakhir dan orang ramai masih perlu mematuhi

langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko penularan wabak tersebut daripada berleluasa.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan mengenai perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Ke muka 3

Pelantikan Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat)

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Yang Mulia Dayang Suraya binti Haji Jaidin,

Timbalan Jurukira Agung di Jabatan Perbadanan, yang pada masa ini sedang menjalani penempatan selaku Penasihat Pengarah Kedua (Second Director's Advisor) di Pejabat Konstituensi Asia Development Bank di Manila untuk dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Isnin, 12 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 6 April 2020 Masihi.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama

PELBAGAI langkah interim diambil bagi mendukung, menangani cabaran COVID-19 Muka 4

DAFTAR dalam talian mudahkan, pertingkat proses pengagihan kurma Muka 6

SOKONGAN, kerjasama semua bantu tangani COVID-19 penting Muka 10

INGIN tingkatkan industri kreatif, profileman tempatan Muka 21

Tiada kes baharu dicatatkan, langkah pencegahan tetap dipatuhi



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan Situasi Terkini Wabak COVID-19 di Sidang Media yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dari muka 1

Juga turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Sementara itu menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sebanyak tujuh lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing, membawa kepada jumlah keseluruhan seramai 326 orang.

Sejak awal Januari 2020, sebanyak 8,129 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa nisbah kepada 1 dalam 54 orang ramai yang sudah dibuat pemeriksaan bagi COVID-19.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan sangat menghargai segala usaha dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak,

sama ada daripada pihak agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, badan sukarelawan dan orang ramai sendiri yang telah

Ini bermakna terdapat 61 kes yang masih dirawat di Pusat berkenaan, dan daripada jumlah tersebut, tiga orang masih dalam

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut, di mana salah seorang daripadanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO), dan selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga turut mengongsikan, jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah seramai 2,065 orang dan hanya tinggal 280 orang sahaja yang masih menjalani kuarantin.

Dalam pada itu, seramai 113 orang lagi telah menamatkan tempoh pengasingan diri di tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh Kerajaan dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing, membawa kepada jumlah keseluruhan seramai 326 orang.

"Kita perlu ingat mengingati risiko penularan masih wujud walaupun ia terkawal. Jika kita leka, keadaan boleh berubah dengan sekilip mata dan kejadian yang tidak diingini seperti lockdown mungkin terjadi," tegas beliau.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa sahaja) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](https://www.healthinfo.gov.bn).

sama-sama memainkan peranan dalam memastikan pengawalan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dilaksanakan dengan lancar.

Namun demikian, Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut mengingatkan dan menegaskan sebagaimana yang telah dinyatakan beberapa kali sebelum ini, walaupun keadaan wabak COVID-19 di negara ini adalah terkawal, namun negara kita masih di bawah ancaman kemasukan virus tersebut dari negara luar.

Oleh itu terangnya, kita masih perlu melakukan langkah berjaga-jaga termasuk terus mengamalkan penjarakan sosial atau fizikal (*social / physical distancing*), mengamalkan kebersihan diri dan menjaga etika ketika batuk atau bersin serta mengelakkan perkumpulan ramai, mengurangkan daripada mengunjungi ke gedung-gedung perniagaan beramai-ramai dan hanya keluar sekiranya perlu sahaja.

"Kita perlu ingat mengingati risiko penularan masih wujud walaupun ia terkawal. Jika kita leka, keadaan boleh berubah dengan sekilip mata dan kejadian yang tidak diingini seperti lockdown mungkin terjadi," tegas beliau.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa sahaja) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](https://www.healthinfo.gov.bn).

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pengasingan diri hanya di tempat disediakan kerajaan

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa bermula 5 April 2020, semua orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri di tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan sahaja, manakala menjalani pengasingan sendiri di rumah masing-masing adalah tidak lagi dibenarkan.

Tiada kes baharu disahkan dijangkiti COVID-19 setakat 5 April 2020

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tidak ada kes baharu yang disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal sebanyak 135 kes setakat ini.

Sementara itu, sebanyak tujuh lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 8,129 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa nisbah kepada 1 dalam 54 orang ramai yang sudah dibuat pemeriksaan bagi COVID-19.

326 tamatkan tempoh pengasingan diri

Setakat ini, seramai 326 orang telah menamatkan tempoh pengasingan diri di tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 8,129 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa nisbah kepada 1 dalam 54 orang ramai yang sudah dibuat pemeriksaan bagi COVID-19.

Jangan terlalu awal berasa selesa, bekerjasama lakukan penjarakan sosial

Orang ramai diseru agar jangan terlalu awal berasa selesa dengan pengumuman jumlah tiada jangkitan dicatatkan kerana penularan wabak masih sahaja boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Penekanan kepada penjarakan sosial dan fizikal masih saja ada, serta penjagaan kebersihan diri dari semasa ke semasa masih turut ditekankan, kerana jika dilihat pada negara-negara yang tertentu yang sebelum ini sudah terkawal namun sekarang kini telah melakukan *lockdown* dan ini berlaku pada negara-negara yang sudah membangun, dari sana jelas menunjukkan kejadian seperti ini tidak sepatutnya berlaku, tetapi disebabkan orang ramai leka dan lalai dan terdapat sebilangan sudah mula keluar rumah maka hal ini terjadi.

Langkah interim mendukung sektor swasta tertentu menangani cabaran COVID-19

Langkah interim untuk mendukung beberapa sektor swasta tertentu dalam menangani cabaran-cabaran hasil dari menularnya COVID-19 di negara ini telah sedang dilaksanakan seperti yang telah dipersetujui dengan beberapa pihak tertentu bagi membantu sektor-sektor tertentu yang telah dikenal pasti seperti sektor perhotelan, restoran dan sebagainya.

Antaranya ialah dengan memberikan 30 peratus diskauan ke atas kadar sewa bangunan kerajaan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mengikut sektor sasaran iaitu seperti sektor pelancongan, hospitaliti (termasuk hotel dan Lodging House yang berdaftar), restoran dan kafe, pengangkutan penumpang udara dan air (Ayer) untuk membantu mengurangkan kos operasi kepada pengusaha-pengusaha.

Selain itu, turut memberikan 15 peratus diskauan untuk bil-bil air dan elektrik ke atas sektor sasaran yang dimaksudkan juga sebagai langkah untuk membantu mengurangkan bebanan terhadap kos operasi syarikat terhadap sektor yang dimaksudkan, dan terkini ialah dengan subsidi pembayaran gaji sebanyak 25 peratus kepada pekerja tempatan di PMKS yang mempunyai pekerja seramai 100 orang dan ke bawah, selama tiga bulan.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Waktu Operasi 24 jam setiap hari

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

waktu operasi :
24 JAM SETIAP HARI

powered by:
imagine what's next

Jangan terlalu awal berasa selesa

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi ketika menjawab beberapa pertanyaan dari pihak media sekali lagi menegaskan dan mengingatkan orang ramai untuk tidak mudah leka dan lalai.

Menurut beliau, orang ramai jangan terlalu awal berasa selesa dengan pengumuman jumlah tiada jangkitan dicatatkan kerana penularan wabak masih sahaja boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

"Penekanan kepada penjarakan sosial dan fizikal masih saja ada serta penjagaan kebersihan diri dari semasa ke semasa masih turut

ditekankan, kerana jika kita lihat pada negara-negara yang tertentu yang sebelum ini sudah terkawal, namun sekarang kini mereka telah melakukan *lockdown* dan ini berlaku pada negara-negara yang sudah membangun, dari sana jelas menunjukkan kejadian seperti ini tidak sepatutnya berlaku, tetapi disebabkan orang ramai leka dan lalai, dan terdapat sebilangannya sudah mula keluar rumah maka hal ini terjadi," terang beliau.

Jelas Yang Berhormat lagi, kita perlu ingat bahawa kejadian kes pertama ialah pada 9 Mac yang lalu dan penutupan semua sempadan keluar dan masuk ke negara ini telah mula dikuatkuasakan pada sekitar 20 Mac, dari itu, dengan tempoh dua minggu jarak tersebut kita perlu ingat bahawa masih ada orang yang keluar dan masuk ke negara ini dan ini

adalah sebenarnya amat membimbangkan.

Oleh demikian, adalah wajar bagi pihak kerajaan lebih-lebih lagi pihak Kementerian Kesihatan menyarankan untuk tidak terlebih dahulu membenarkan untuk dibuka sebarang fasiliti seperti *sport centre*, restoran dan sebagainya memandangkan *gap* atau jarak ruang daripada kes pertama dan penutupan semua sempadan masih terlalu signifikan bagi penularan wabak itu berlaku, lebih-lebih lagi kita tidak mengetahui tahap penularan di negeri-negeri jiran kita sama ada melalui *community spread* atau sebagainya dan dari itu, kita

mestilah berjaga-jaga, tegas Yang Berhormat lagi.

Seperti dinyatakan tambah Yang Berhormat, tempoh minima ialah 28 hari dari *zero-case* dicatatkan dan negara baru sahaja mencatatkan *zero-case* pada hari pertama hari ini.

Dari itu sarannya, kita hendaklah sentiasa ingat mengingati dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga, jika tidak segala apa yang diusahakan selama ini akan menjadi *useless* tidak berhasil, oleh yang demikian, kita perlulah berkurban sedikit masa lagi bagi membendung penularan wabak ini dari terus berlaku.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pelbagai langkah interim diambil bagi mendukung, menangani cabaran COVID-19

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi dengan menjawab beberapa pertanyaan dari pihak media, antaranya mengenai usaha kerajaan dalam membantu pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan bekalan bantuan perubatan yang telah dirampas.

Yang Berhormat berulang kali menjelaskan berbagai-bagi langkah interim untuk mendukung beberapa sektor swasta tertentu dalam menangani cabaran-cabaran hasil dari menularnya COVID-19 di negara ini telah sedang dilaksanakan seperti yang telah dipersempurna dengan beberapa pihak tertentu bagi membantu sektor-sektor tertentu yang telah dikenal pasti seperti sektor perhotelan, restoran dan sebagainya.

Antaranya ialah dengan memberikan 30 peratus diskauan ke atas kadar sewa bangunan kerajaan kepada PMKS mengikut sektor sasaran iaitu seperti sektor pelancongan, hospitaliti (termasuk hotel dan Lodging House yang berdaftar), restoran dan kafe, pengangkutan penumpang udara dan air untuk membantu mengurangkan kos operasi kepada pengusaha-pengusaha yang dimaksudkan.

Selain itu, turut memberikan 15 peratus diskauan untuk bil-bil air dan elektrik ke atas sektor sasaran yang dimaksudkan juga sebagai langkah untuk membantu mengurangkan bebanan terhadap

kos operasi syarikat terhadap sektor yang dimaksudkan, dan terkini ialah dengan subsidi pembayaran gaji sebanyak 25 peratus kepada pekerja tempatan di PMKS yang mempunyai pekerja seramai 100 orang dan ke bawah selama tiga bulan.

Pemberian subsidi ini adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban kepada PMKS khususnya kepada pekerja-pekerja tempatan yang menerima gaji pokok sebulan BND1,500 dan ke bawah; dan mencarum dengan Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Ini juga termasuk bantuan untuk PMKS seperti para peladang menyertai *e-platforms* bagi pemadaman perniagaan (*business matching*) yang lebih berkesan, di mana jelas Yang Berhormat lagi, Darussalam Enterprise (DARE) akan bekerjasama dengan beberapa *service provider* untuk membantu peniaga-peniaga memasarkan barang masing-masing secara dalam talian (*online*) dan langkah ini juga adalah bertujuan untuk membantu dan memberi peluang serta insentif kepada peniaga-peniaga, khususnya PMKS untuk menggunakan *e-platform* dalam menjalankan dan mengekalkan perniagaan mereka dengan lebih berdaya tahan dan berdaya saing.

Yang Berhormat juga memberitahu, berikutnya penularan wabak ini juga telah menyebabkan peningkatannya jumlah pengambilan pekerja daripada kalangan sektor swasta, dan ini adalah satu perkembangan yang positif, di mana pihak swasta juga berusaha membantu pihak kerajaan untuk sama-sama membantu memberikan peluang pekerjaan, agar dapat membantu pihak dan individu tertentu itu menjana pendapatan dan seterusnya dapat mengukuhkan

keadaan ekonomi mereka masa kini dan tidak hanya bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan bahawa isu mengenai bekalan bantuan perubatan yang telah dirampas (*hijacked*) pihak-pihak tertentu adalah berikutnya kebimbangan dunia ketika ini mengenai penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia yang secara tidak langsung turut meningkatkan keperluan (*demand*) untuk mendapatkan bekalan bantuan perubatan berkenaan.

Ia merupakan satu persaingan antara beberapa buah negara dan kerajaan-kerajaan tertentu, namun atas usaha berterusan pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi ingin memastikan kesejahteraan kesihatan rakyat, para pesakit dan *frontliners* terjamin, selain bagi menampung keperluan (*stock*) yang ada, akhirnya kita telah berjaya juga mendatangkan bantuan bekalan perubatan tersebut menerusi kerjasama dengan pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan bekalan perubatan tersebut secara berperingkat-peringkat dan seterusnya berjaya mendatangkan kesemua bekalan tersebut setelah mengalami kejadian *hijacked* sebanyak dua kali.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat juga ingin mengingatkan kepada orang ramai, dengan keadaan jumlah jangkitan yang semakin menurun ketika ini, orang ramai perlu diingatkan untuk tidak mudah merasa selesa, sebaliknya berusaha sama-sama membantu pihak kerajaan dalam membendung penularan wabak ini dari terus merebak iaitu antaranya dengan mengekalkan penjarakan

sosial dan fizikal serta sentiasa menjaga kebersihan diri setiap masa, sentiasa mematuhi arahan-arahan yang diberikan dan berdoa akan kesembuhan para pesakit yang lain untuk kembali pulih seperti sedia kala.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.



Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN
<https://t.me/govbnofficial>
atau imbas QR code



Satu kes baharu dijangkiti COVID-19

Oleh : Marlinawaty Hussin
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 4 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan mengenai satu lagi kes baharu yang disahkan dijangkiti COVID-19 membawa kepada jumlah keseluruhan

jangkitan berkenaan di negara ini menjadi 135 orang. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata, Kes 135, berumer

68 kes masih jalani rawatan

BERAKAS, Sabtu, 4 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa satu lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang sembuh menjadi 66 orang.

Manakala, 68 kes masih dirawat di pusat berkenaan.

Menyentara itu, kata Yang Berhormat, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik. "Pada masa ini, seramai 353 orang sedang menjalani kuarantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

"Manakala seramai 1,984 orang telah menamatkan tempoh kuarantin dan dalam keadaan yang baik," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, seramai 213 orang menamatkan pengasingan diri di tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing pada hari ini.

"Sejak awal Januari 2020, sebanyak 7,801 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa nisbah kepada 1 dalam 56 orang ramai yang sudah dibuat pemeriksaan bagi COVID-19," kata Yang Berhormat.

Pengasingan sendiri di rumah : Tidak lagi dibenarkan

BERAKAS, Sabtu, 4 April. - Semua orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri di tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan sahaja bermula esok, 5 April 2020.

Menjalani pengasingan sendiri di rumah masing-masing adalah tidak lagi dibenarkan.

Menyentara itu, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Bagi menjawab soalan yang diajukan media, Yang Berhormat menjelaskan bahawa terdapat dua faktor bagi pelaksanaan pengasingan diri berkenaan.

43 tahun adalah seorang warga tempatan yang pergi ke Kuala Lumpur, Malaysia pada 27 Februari lalu.

Namun jelas Yang Berhormat, beliau tidak menghadiri perkumpulan keagamaan tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Malaysia.

"Beliau kemudiannya pergi ke Makassar, Indonesia pada 10 Mac 2020 untuk menghadiri perkumpulan keagamaan tabligh.

"Walau bagaimanapun, perkumpulan tersebut dibatalkan dan beliau telah dikuarantin oleh Pihak Berkusa Indonesia sehingga 24 Mac 2020," kata Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat berkata, beliau pergi ke Jakarta pada keesokan harinya dan meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur dengan menaiki pesawat Malaysia



SIDANG Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Airlines MH720 pada 2 April 2020.

(tempat duduk 2G).

"Beliau mula mengalami batuk sejak 22 Mac 2020," tambah Yang Berhormat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

akaun e-darussalam

Akaun e-darussalam awda adalah gerbang awda untuk mengakses perkhidmatan kerajaan secara online seperti memperbaharui lesen memandu dan kenderaan awda, memohon lesen perniagaan, memohon jawatan kosong dan banyak lagi.

Cara-cara untuk mendaftar dan mengaktifkan akaun e-darussalam awda:

1. Layari www.gov.bn
Klik 'Daftar Sekarang' untuk memulakan pendaftaran
2. Isikan borang pendaftaran dengan lengkap
3. Semak emel awda.
Awda akan menerima emel mengenai tatacara untuk mengaktifkan akaun e-darussalam awda.
4. Untuk mengaktifkan akaun awda, taip 'Aktifkan akaun e-darussalam saya' dan sertakan gambar awda yang jelas dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan awda, kemudian hantar ke TD123 melalui:
- Whatsapp Live Chat (8333123)
atau
- Emel (info@123.com.bn)
5. TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika:
- Gambar awda sepadan dengan gambar dalam kad pengenalan awda
- Nombor dan nama dalam kad pengenalan awda kelihatan jelas
*Tertakluk pada Terma dan Syarat
6. TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika semua terma dan syarat adalah dipenuhi. Setelah pengaktifan selesai, kata laluan bagi akaun e-darussalam awda akan dihantar melalui emel.

Untuk keterangan lanjut, layari www.gov.bn atau hubungi Talian Darussalam 123

gov.bn

Daftar dalam talian mudahkan, pertingkat proses pengagihan kurma

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Bagi memastikan pengagihan kurma diterima oleh setiap lapisan penduduk Islam di negara ini, beberapa usaha dan mekanisme akan digunakan oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) untuk memudahkan pengagihan kurma, di samping mengelakkan penerimaan duplikasi dengan menggalakkan orang ramai untuk mendaftar secara dalam talian (*online*).

Sehubungan itu, orang ramai adalah diperlukan untuk mendaftar terlebih dahulu ke portal rasmi, iaitu laman sesawang www.kurma.org.bn untuk membantu pengurusan yang

lebih efisien dan membolehkan pengumpulan data maklumat bagi mempertingkatkan proses pengagihan kurma pada tahun-tahun hadapan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB dalam taklimat penerangan Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk tahun ini.

Taklimat berlangsung di Bilik Al-Muzakarah, Pusat Pengajaran Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB, Rumah Semaun, Jalan Jerambak.

Sebagaimana lazimnya menjelang bulan Ramadan, YSHHB sebagai wadah amal jariah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda akan mengendalikan pengagihan kurma sebagai kurnia peribadi baginda kepada seluruh umat Islam di negara ini.

Taklimat seterusnya mengongsikan pada tahun ini, sejumlah 158.4 ton metrik kurma, yakni 528,000 kotak kecil yang mengandungi 300 gram kurma, sedang dalam perjalanan untuk dibekalkan dan dibagikan kepada seluruh penduduk yang beragama Islam dengan tidak mengehadkan umur dan taraf kerakyatan.

Pembekalan kurma tersebut dijangka tiba di negara ini sebelum bulan Ramadan, walau bagaimanapun jangkaan ini juga tertakluk jika tidak ada sebarang kelambatan.

Perubahan-perubahan yang dilaksanakan pada tahun ini merupakan pendaftaran secara dalam talian; mengenal pasti lokasi-lokasi pengagihan, selain

daripada rumah Ketua Kampung, iaitu melalui setiap kementerian dan jabatan-jabatan juga cawangan di bawahnya bagi pegawai dan kakitangan kerajaan, bank-bank dan Government-link Companies; Unit-unit Kementerian Pertahanan bagi Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Formasi-formasi Polis Diraja Brunei bagi Pasukan Polis Diraja Brunei; juga beberapa lokasi pandu lalu atau *drive-thru* yang dikenal pasti di keempat-empat daerah untuk orang awam.

Selain itu, beberapa lokasi tambahan bagi *drive-thru* melalui masjid dan sekolah yang bersesuaian akan dimaklumkan kemudian.

Perubahan ini merupakan inisiatif pihak YSHHB sebagai mematuhi arahan Kementerian Kesihatan dalam mengelakkan perkumpulan beramai-ramai dengan membuat penjarakan sosial (*social distancing*).


Semasa pengagihan kurma tersebut nanti, orang ramai adalah diperlukan untuk menunjukkan Kad Pintar mereka dan tanda pengenalan tanggungan masing-masing untuk proses pengesahan sebelum pemberian kurma.

Pembarigaan kepada orang ramai mengenai pengagihan kurma akan dilaksanakan melalui sururan media dan media sosial rasmi YSHHB di laman sesawang www.yshhb.org.bn; Instagram : [@yshhb.official](https://www.instagram.com/@yshhb.official); dan Facebook : [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah](https://www.facebook.com/Yayasan-Sultan-Haji-Hassanal-Bolkiah-100000000000000).

Pihak YSHHB dengan ini



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan taklimat penerangan bagi pengurusan Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2020.



LAMAN sesawang sebagai portal rasmi pendaftaran Pengagihan Kurma Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh diakses melalui www.kurma.org.bn.

Tip

Pendidikan



Jom semak LIMA perkara penting yang boleh dilakukan sepanjang pembelajaran di rumah!

- **Menghafal sifir.** Manfaatkan masa sepanjang pembelajaran di rumah untuk menghafal sifir. Murid-murid boleh berlawnan dengan adik, abang atau kakak.
- **Jadual sendiri.** Buat jadual waktu sendiri supaya dapat agihkan masa belajar dan waktu bermain. Kalau tidak mempunyai jadual sendiri, ia boleh membuatkan murid-murid lalai dan leka sehingga menghabiskan waktu dengan menonton televisyen. Ingat, jangan lupa kewajipan sebagai seorang pelajar!
- **Kerja rumah.** Siapkan kerja rumah yang sudah diberikan oleh guru. Pastikan siap sebelum buka sekolah.
- **Pembelajaran sendiri.** Murid-murid boleh gunakan YouTube untuk belajar. Di YouTube, ada banyak video yang boleh membantu murid-murid belajar.
- **Belajar dalam talian.** Buat masa sekarang, ramai guru-guru mengongsikan pembelajaran dan soalan secara dalam talian antaranya Google Form. Manfaatkan bahan-bahan ini sebaik-baiknya.

Pemindahan lokasi perkhidmatan membaharui lesen memandu

Siaran Akbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - Dalam usaha membendung risiko jangkitan COVID-19 di negara ini, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) sedang melaksanakan Business Continuity Plan (BCP) dan sentiasa memantau mutu perkhidmatan serta tahap keselamatan orang ramai, pegawai

dan kakitangan JPD yang bertugas.

Hasil daripada pemantauan JPD dan maklum balas orang ramai, JPD telah membuat langkah-langkah penambahbaikan. Walau bagaimanapun, sebagai tindakan penambahbaikan selanjutnya demi meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan orang ramai dan petugas-petugas, JPD ingin

memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan-perubahan kepada perkhidmatannya seperti berikut bermula Selasa, 7 April 2020:

Perkhidmatan membaharui Lesen Memandu dan yang berkenaan dengannya di Ibu Pejabat JPD Beribi, Jalan Gadong akan ditutup sementara dan dipindah ke Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar, JPD Sungai Akar dengan menggunakan kaedah Pay and Collect. Ini termasuk perkhidmatan-perkhidmatan seperti pembaharuan semua kelas Lesen Memandu, sama ada yang belum mansuh atau telah mansuh dan bagi yang berumur 70 tahun dan ke atas serta salinan (*duplicate*) Lesen Memandu.

Kemudahan bagi orang ramai mengakses perkhidmatan dalam

talian (*online*) akan juga disediakan di Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar, JPD Sungai Akar. Orang ramai juga boleh mendaftar dan mengaktifkan akaun e-Darussalam di terminal-terminal yang tersedia.

Manakala kaunter-kaunter perkhidmatan memperbaharui Lesen Memandu di cawangan JPD Tutong, JPD Kuala Belait dan JPD Temburong serta di Pejabat-pejabat Pos di seluruh daerah, masih lagi beroperasi mengikut waktu operasi dan prosedur yang dimaklumkan sebelum ini.

JPD ingin menyeru dan menyarankan kepada orang ramai untuk merancang dan membuat urusan lebih awal dan mengelakkan kesesakan semasa penghujung dan awal bulan.

Di samping itu, JPD juga ingin

menggalakkan orang ramai untuk terus menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian JPD melalui portal rasmi Kerajaan iaitu www.gov.bn atau aplikasi mudah alih *TransportBN*. JPD akan terus memantau keadaan dan memperbaiki perkhidmatannya kepada orang ramai. Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenainya, orang ramai bolehlah menghubungi Talian 123 semasa waktu pejabat atau e-mel info_ltd@land-transport.gov.bn.

JPD ingin memohon maaf sekali lagi atas sebarang kesulitan dihadapi oleh orang ramai dengan perubahan yang diperkenalkan. Di kesempatan ini, JPD sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kerjasama orang ramai dalam sama-sama menangani penularan wabak COVID-19.

Penularan COVID-19 dapat dicegah dengan mengamalkan kebersihan



PENJARAKAN sosial (*social distancing*) ialah satu tindakan menjarakkan diri sesama individu sekurang-kurangnya satu meter dan mengelakkan diri daripada jangkitan wabak COVID-19.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - World Health Organization (WHO) telah menyarankan orang ramai, khususnya di seluruh dunia untuk melakukan penjarakan sosial (*social distancing*) bagi sama-sama membendung lagi penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda negara ketika ini.

Penjarakan sosial (*social distancing*) ialah satu tindakan menjarakkan diri sesama individu sekurang-kurangnya satu meter dan mengelakkan diri daripada berkumpul dalam satu perhimpunan yang besar-besaran. Selain penjarakan sosial, penularan jangkitan wabak COVID-19 juga dapat dikawal dengan mempraktikkan kuarantin dan pengasingan diri.

Penularan jangkitan wabak COVID-19 semakin terkawal di Negara Brunei Darussalam namun dalam masa yang sama,

Kementerian Kesihatan terus menasihatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah berwaspada bagi mengelak daripada dijangkiti virus berkenaan.

Antaranya, selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan seperti *hand sanitizer* serta sentiasa membawa penutup mulut, hidung dan menggunakan jika merasa kurang sihat seperti batuk dan selesesa.

Kementerian Kesihatan juga menasihatkan orang ramai untuk mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti di pusat-pusat membeli-belah dan sebagainya, serta mengelak untuk bergaul rapat dengan individu yang disyaki.

Seterusnya, orang ramai disar-

untuk memeringkat tahap kebersihan yang baik sekali gus membebaskan diri daripada ancaman bakteria, virus dan pencemaran-pencemaran yang lain.

Selain itu, orang ramai juga disar bagi sama-sama menjaga tahap kebersihan khususnya ketika penularan jangkitan wabak COVID-19 ini di tempat-tempat awam seperti di pusat-pusat rawatan, hospital, klinik sehingga ke bangunan awam, pengangkutan awam dan taman-taman rekreasi.

Salah satu cara untuk memastikan tahap kebersihan adalah terjamin dengan meningkatkan tahap kebersihan diri dan persekitaran serta melakukan menyahkuman di sekitar kediaman atau bangunan-bangunan kerajaan.

Salah satu perkara rutin yang perlu dilakukan adalah dengan membersihkan tempat-tempat yang sering kali disentuh seperti meja, kerusi, tombol pintu, suis, almari dan juga singki.

Bagi memastikan keselamatan diri terjamin, orang ramai juga digalakkan untuk memakai sarung tangan getah semasa menyentuh pakaian kotor sebelum dimasukkan ke dalam mesin pencuci. Malah jika awda tidak menggunakan sarung tangan, elakkan daripada menyentuh muka dan sentiasa membersihkan tangan dengan menggunakan sabun selama 20 saat.

Kementerian Kesihatan berusaha keras bagi memastikan penularan wabak COVID-19 sentiasa terkawal dan menyeru orang ramai untuk peka akan keadaan persekitaran dan kebersihan diri. Ia adalah untuk mengelakkan sebarang penyebaran kuman atau bakteria yang tidak kelihatan pada permukaan. Bak kata pepatah Melayu, 'Pencegahan itu adalah lebih baik daripada mengubati'.



LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN JANGKITAN DI TEMPAT KERJA KETIKA WABAK

Sebagai Majikan, Awda perlu:

1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barang peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5 PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketidaaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

COVID-19: Tidak menghalang melakukan aktiviti di dalam rumah



MENGISI masa terluang dengan membaca Al-Quran juga mendidik anak-anak agar mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

SUNGAI AKAR, Ahad, 5 April. - Orang ramai perlu bijak menyusun aktiviti bermanfaat, sejak penularan jangkitan wabak Coronavirus (COVID-19) melanda di negara ini.

Mereka juga boleh memanfaatkan masa tersebut untuk melakukan aktiviti di dalam rumah bersama keluarga

masing-masing.

Malah, sesetengah mereka pula ada yang memanfaatkan aktiviti di laman-laman sosial dengan menghasilkan idea yang kreatif, menguji minda juga melakukan senaman berpandukan video.

Pelbagai cara boleh mendatangkan aktiviti yang bermanfaat antaranya dengan



AKTIVITI meluangkan masa di rumah bersama adik-beradik dalam sama-sama menangani penularan wabak COVID-19.



membaca Al-Quran, mengulang kaji pelajaran, memasak, membersihkan rumah dan sebagainya.

Aktiviti seumpama ini sekali gus akan dapat memberi ruang kepada orang ramai meluangkan masa di rumah bersama ibu bapa, kakak, abang atau adik-beradik lainnya dalam sama-sama menangani

penularan jangkitan wabak COVID-19 tersebut.

Ia bukan sahaja memberi keseronokan, bahkan menambah ilmu pengetahuan yang berguna di samping dapat memanfaatkan kemahiran yang mendatangkan

e-Darussalam mudahkan urusan



PORTAL e-Darussalam berperanan sebagai laman rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan dan memusatkan semua talian perkhidmatan kerajaan, data maklumat dan statistik, kalender acara dan banyak lagi (kiri). Manakala gambar kanan, Portal Perkhidmatan Talian Darussalam 123.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai Portal e-Darussalam, terutama sekali saat pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara ketika ini, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (E-Government National Centre - EGNC) terus berusaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatannya bagi memudahkan mereka yang ingin membuat urusan-urusan tertentu.

Portal e-Darussalam berperanan sebagai laman rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan dan memusatkan semua talian perkhidmatan

kerajaan, data maklumat dan statistik, kalender acara dan banyak lagi.

Mempunyai akaun e-Darussalam merupakan keperluan wajib bagi mengakses semua perkhidmatan dalam talian yang memerlukan pengesahan pengguna, seperti permohonan bagi membaikrui lesen-lesen memandu dan kenderaan; juga permohonan-permohonan lesen bagi membangun rumah, pemasangan elektrik dan air, pendaftaran import makanan, juga pekerjaan di perkhidmatan awam dan sektor swasta juga lain-lain.

Perkhidmatan ini lebih senang diperoleh dengan memuat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

turunnya melalui aplikasi telefon bimbit dari Appstore bagi sistem IOS; dan Google Playstore bagi sistem Android.

Aplikasi boleh diakses oleh para pengguna dengan mudah di mana sahaja mereka berada setelah akaun diaktifkan dan berurusan secara penjaraan sosial, seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan bagi sama-sama membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Ini juga adalah berikut dengan beberapa agensi kerajaan yang telah menutup kaunter-kaunter perkhidmatan atau memendekkan tempoh perkhidmatan kaunter-kaunter hingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Terlebih dahulu, akaun berkenna boleh diperoleh dengan mendaftar secara dalam talian (*online*) melalui laman portal www.gov.bn dan setelah mendaftar, akaun e-Darussalam bolehlah diaktifkan dengan menghantar gambar dengan memegang kad pintar bersama ke Perkhidmatan Talian Darussalam 123 melalui Aplikasi WhatsApp +673 8333123 atau e-mel info@123.com.bn.

Selain itu, pemohon hendaklah memastikan gambar yang dihantar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutamanya kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sebahagian jalan di Jalan Perdana Menteri (tertakluk kepada keadaan cuaca) bermula Ahad, 5 April 2020 jam 10.00 malam sehingga selesai iaitu pada Isnin, 6 April 2020.

Penutupan sementara sebahagian jalan berkenaan adalah untuk memberi ruang bagi pelaksanaan kerja-kerja penurapan aspal di sebahagian jalan tersebut berdekatan persimpangan kawasan 'Assarra' iaitu di kedua hala menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan menuju ke Pusat Bandar.

Sehubungan itu, para pengguna jalan raya bolehlah menggunakan jalan alternatif lain semasa penutupan sebahagian jalan berkenaan dilaksanakan.

Dengan ini, JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang pertanyaan dan aduan, orang ramai bolehlah menghubungi terus pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel : pro@pwd.gov.bn.

adalah jelas dan pihak Perkhidmatan Talian Darussalam 123 akan mengaktifkan akaun dengan memastikan nombor kad pintar adalah sama dengan akaun yang didaftarkan juga gambar wajah adalah sama seperti gambar pemegang kad pintar tersebut.

APLIKASI boleh diakses oleh para pengguna dengan mudah di mana sahaja mereka berada setelah akaun diaktifkan dan berurusan secara penjaraan sosial, seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan bagi sama-sama membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

faedah.

Semasa pendekatan diadakan di salah sebuah rumah di Kampung Sungai Akar, beberapa pelajar sedang membaca Al-Quran dan seterusnya mengulang kaji pelajaran bersama ayahnya.

Menurut Awang Junaidi bin Haji Mohd. Salleh, ini adalah satu cara dan peluang untuk memenuhi masa anak-anaknya dalam mengajar dan mendidik mereka di rumah dengan aktiviti yang bermanfaat.

Dengan melakukan aktiviti yang bermanfaat ini ujarnya lagi, akan dapat mewujudkan ikatan kekeluargaan lebih-lebih kepada ibu bapa yang sibuk dengan tugas-tugas dan kerjaya masing-masing.

Pada masa yang sama, anak-anak mereka katanya boleh menambah atau meneruskan pembelajaran dalam melakukan aktiviti yang bermanfaat semasa musim wabak COVID-19 ini.

Selain bijak mengatur aktiviti bermanfaat ini, beliau turut menyarankan agar ibu bapa untuk mendidik dan mengingatkan anak-anak mereka di rumah dengan mengerjakan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.

Penutupan sementara sebahagian Jalan Perdana Menteri

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya



Bekalan darah diperlukan!

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Infografik : Kementerian Kesihatan

TUTONG, Sabtu, 4 April. - Bagi membantu menambah tabung darah untuk keperluan sesiapa sahaja yang memerlukannya, Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada masa ini memerlukan bekalan darah yang selamat dan boleh dipercayai pada saat-saat kecemasan dan bila-bila masa.

Dengan menyedari dan memahami situasi negara yang tidak terlepas daripada jangkitan wabak COVID-19 ini, pusat berkenaan juga menyarankan agar para penderma terlebih dahulu untuk membuat slot perjanjian sebelum pegawai dan kakitangan dari pusat tersebut memberikan perjanjian pendermaan.

Direct Line Hotline bagi Pusat Pendermaan Darah COVID-19 ialah +673 224242 atau +673 2232111 sambungan 5754/6001/6002, waktu beroperasi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 11.45 pagi dan jam 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Di samping menghubungi talian *hotline*, orang ramai juga boleh menghubungi melalui aplikasi

Whatsapp ke talian terus semasa waktu bekerja untuk mendapatkan perjanjian pendermaan atau sebarang pertanyaan.

Pusat berkenaan sentiasa menitikberatkan keselamatan para penderma, kakitangan dan juga pesakit dengan memastikan setiap prosedur yang dijalankan memenuhi langkah-langkah penjagaan rapi terutama semasa jangkitan wabak COVID-19 iaitu dari proses penerimaan penderma ke tapisan perubatan, dari proses pendermaan ke pemprosesan darah dan komponen, dari ujian saringan makmal ke ujian kawalan mutu.

Pusat berkenaan juga mempraktikkan prosedur yang bersih dan steril bagi memelihara penderma daripada sebarang jangkitan.

Kakitangan juga terpelihara daripada sebarang jangkitan dengan mengekalkan langkah keselamatan dan Standard Operating Procedures (SOP).

Di samping tapisan perubatan yang ketat, ujian saringan makmal dan kawalan mutu juga dijalankan bagi menghasilkan darah yang terjamin mutunya dan selamat untuk para penderma.

PERANAN ABISKITA SEBAGAI PENDERMA YOUR ROLES AS DONORS

Dalam sama-sama mencegah jangkitan COVID-19 semasa pendermaan darah, para penderma juga memainkan peranan. In preventing the spread of COVID-19 while donation, donors too have roles to play.

- Sila dapatkan slot perjanjian pendermaan terlebih dahulu dengan menghubungi Pusat Pendermaan Darah. Blood donation is currently on appointment basis. Please make a call to our centre for an appointment.
- Sila isikan borang secara atas talian dengan menggunakan aplikasi 'Blood Kad' pada hari perjanjian sebelum datang ke pusat. Please fill in donation form using mobile application 'Blood Kad' before coming to the appointment on the day itself.
- Tidak digalakkan untuk membawa pendamping yang tidak menderma untuk berkunjung seperti kanak-kanak dan orang tua. It is not advisable to bring in accompany who is not donating such as children or elderly.
- Sila periksa suhu badan di stesen 'triage' berdekatan sebelum datang ke pusat. Please ensure to have your body temperature checked at the nearest triage before coming in to the centre.
- Gunakan 'hand sanitizer' setelah masuk ke pusat pendermaan. Please ensure to use hand sanitizer upon your arrival at the centre.
- Mengambil langkah 'social distancing' dan bertolak-ansur sesama para penderma yang menunggu. Practice social distancing and be considerate to other waiting donors.
- Sentiasa jujur tentang tahap kesihatan dan juga sejarah perjalanan ketika tapisan perubatan dijalankan oleh pegawai perubatan. Please be honest about your conditions and travel history during medical screening.

2242424/2232111 EXT 5745/6001/6002
+673 375745 (HP)

BLOOD DONATION CENTRE
RIPAS HOSPITAL, BRUNEI
2242424 EXT 5745

220 menamatkan tempoh pengasingan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 4 April. - Seramai 220 orang hari ini menamatkan tempoh 14 hari pengasingan diri yang menginap di beberapa buah hotel dan hostel di Daerah Brunei dan Muara.

Sehubungan itu, Pegawai Perubatan, Kementerian Kesihatan, Awang Muhd. Norizni bin Haji Mosli menyarankan agar mereka perlu memantau kesihatan masing-masing selama 14 hari setelah pulang daripada pengasingan tersebut.

Tambahnya lagi, sepanjang tempoh pengasingan, mereka diberikan pemantauan kesihatan setiap hari dengan menjalani COVID-19 ujian *swab* di samping memberikan penyediaan makanan dan minuman setiap hari.

Semasa pendekatan di Hotel Mulia di sini, beliau turut mengingatkan agar orang ramai secara amnya dan mereka yang telah menjalankan pengasingan diri untuk sentiasa berada di dalam rumah dengan melakukan penjarakan sosial (*social distancing*) dan juga mengamalkan kebersihan dengan menggunakan *hygiene* yang tertentu.

Dalam hal ini, jelasnya kita hendaklah mematuhi tempoh pengasingan selama dua minggu demi mengawal penularan wabak COVID-19 untuk terus merebak.

Sementara itu, Dayang Nur Amirah Haziqah binti Airwan memberitahu selepas dikuarantin, beliau dinasihatkan untuk menjalankan *self monitoring* selama 14 hari lagi untuk

memastikan tahap kesihatannya betul-betul terjamin.

Beliau juga turut mengingatkan dan menasihatkan orang ramai yang telah selesai menjalani pengasingan diri agar mengurangkan pergaulan atau berjalan-berjalan bersama orang lain atau orang di sekelilingnya dan pada masa yang sama, mereka juga hendaklah sentiasa mematuhi peraturan dan menjalani pengasingan diri dengan menjaga kebersihan dan kesihatan masing-masing.

Beliau juga mengambil kesempatan ini menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan baginda dalam memeduli hal ehwal keselamatan dan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya pelajar-pelajar yang berada di luar negara yang telah dibawa pulang ke tanah air.

"Alhamdulillah, terima kasih

"KEMENTERIAN Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) serta peraturan-peraturannya iaitu Infectious Diseases (Amendment of Schedule) Notification, 2020 dan Infectious Diseases (Quarantine Amendment) Regulations, 2020."



DAYANG Nur Amirah Haziqah binti Airwan.



PEGAWAI Perubatan, Kementerian Kesihatan, Awang Muhd. Norizni bin Haji Mosli.

ataupun rawatan perubatan sama ada di hospital atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan.

Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini adalah menjadi kesalahan di bawah Akta yang disebutkan di atas dan seterusnya orang berkenaan boleh diperintahkan untuk dipindahkan ke hospital atau satu tempat lain di mana beliau boleh ditahan dan, jika perlu, terpencil (*isolated*) sehingga pemeriksaan atau rawatan dilakukan.

Sesiapa yang menghalang atau membantu menghalang pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah Akta yang tersebut di atas atau peraturan-peraturan di bawahnya, atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan jika (telah)

dikehendaki memberikan maklumat atau dokumen adalah menjadi kesalahan di bawah Akta yang tersebut di atas.

Sehubungan dengan itu, jika sabit kesalahan, boleh membawa denda sehingga BND10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (kesalahan pertama). Bagi kesalahan kedua atau seterusnya, jika sabit kesalahan boleh membawa denda sehingga BND20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa).

Sokongan, kerjasama semua bantu tangani COVID-19 penting



DAYANG Hajah Kartini binti Haji Awang Abu Bakar menetap di Kampung Perpindahan Lambak Kanan.



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Penurunan jumlah kes yang dijangkiti COVID-19 serta peningkatan jumlah kes yang telah sembuh daripada jangkitan wabak tersebut di negara ini menunjukkan tanda-tanda bahawa ia dapat dikawal dengan baik.

Namun, sokongan dan kerjasama rakyat dan penduduk di negara ini masih tetap diperlukan dalam sama-sama membantu pihak kerajaan agar penularan jangkitan wabak COVID-19 ini dapat dikekang dan akan cepat berakhir.

Justeru, masyarakat perlu terus mematuhi dan memahami akan larangan serta arahan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi memastikan COVID-19 terus dapat dikawal daripada merebak.

Dalam pada itu, Pelita Brunei berkesempatan menemui bual Dayang Hajah Kartini binti Haji Awang Abu Bakar yang menetap di Kampung Perpindahan Lambak Kanan mengenai kepentingan peranan kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini dalam menyokong kerajaan sekali gus melindungi diri daripada wabak COVID-19.

Beliau berpendapat, pemahaman dan pematuhan orang ramai terhadap arahan yang ditetapkan oleh kerajaan kita adalah amat penting kerana jika kita terus mematuhi dan memahami serta mengikuti arahan-arahan yang diberikan oleh mereka, itu akan melancarkan segala usaha untuk mengawal penularan wabak COVID-19.

"Kita semua memainkan peranan penting dalam mengamalkan tanggungjawab sosial serta mengingati antara satu sama lain mengenai pentingnya untuk menjaga tahap kebersihan diri juga," ujarnya.

Justeru, masyarakat perlu terus peka dan mendisiplinkan diri dalam meningkatkan kesedaran

MASYARAKAT perlu terus mematuhi dan memahami akan larangan serta arahan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi memastikan wabak COVID-19 terus dapat dikawal daripada merebak seperti penjarakan sosial.

antara satu sama lain mengenai kaedah dalam mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

Dalam pada itu, kita juga sebagai umat Islam digalakkan untuk memanjanatkan doa serta sentiasa

berdoa tanpa putus-putusnya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar jangkitan wabak COVID-29 ini akan cepat berakhir dan mendoakan kepada semua pesakit kembali sembuh.

Pembisanian Pekan Bangar, Temburong – Pedestrian Walkway

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama penduduk di Daerah Temburong mengenai penutupan sementara tempat letak kereta berhadapan dengan Kedai Rakyat Jati di Pekan Bangar.

Penutupan sementara selama tiga minggu, bermula pada Isnin, 6 April 2020 ini adalah untuk memberi laluan kerja-kerja Projek Pembisanian Pekan Bangar, Temburong – Pedesterian Walkway agar dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak mendekati kawasan-kawasan pembinaan projek dan mematuhi tanda-tanda lalu lintas yang disediakan serta memandu dengan perlahan ketika mendekati kawasan berkenaan bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua pihak.

Sebarang pertanyaan serta aduan, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan ini melalui Talian Darussalam 123 atau Livechat +673 8333123, Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel : pro@pwd.gov.bn.

HALUAN

Dari muka 2

Ertinya dengan jelas dan tegas bahawa rakyat sebahagian besarnya adalah belia-belia yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, berkehidupan yang berkualiti tinggi, dalam kedudukan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan, itu adalah rakyat yang setia kepada sultan dan negara, berkeyakinan terhadap nilai-nilai Islam, memelihara keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

Dengan itu, dalam apa jua usaha memajukan negara dan rakyat untuk menepati Wawasan Brunei 2035 itu, khasnya belia-belia, hendaklah menurut landasan negara Melayu berpemerintahan Beraja yang Islami.

Dan masih juga belum terlambat untuk saya menambah pernyataan bahawa terdapat suatu yang kurang disebut-sebut, bahkan hampir dilupakan ialah titah Pemasyhuran Kemerdekaan 1984 yang merupakan azam politik dan aspirasi nasional itu adalah tidak terhenti setakat mengekalkan Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan dengan berdasarkan keadilan, amanah dan kebebasan.

KKBI rangsang kesedaran realisasikan Wawasan Negara 2035

Ada dua elemen lagi dalam titah Pemasyhuran Kemerdekaan 1984 itu yang juga adalah menjadi azam politik dan aspirasi nasional, iaitu :

- Menerusi negara MIB yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredaan Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebijakan serta kebahagiaan bagi rakyat ;

- Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Dua elemen ini sangat penting untuk turut disebutkan dalam kita bersemangat menyebut negara kita Brunei Darussalam ini adalah negara MIB. Kerana corak kenegaraan sedemikian itu adalah negara yang akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebijakan serta kebahagiaan

bagi rakyat, ; dan juga adalah negara yang memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Sungguhpun azam politik dan aspirasi nasional ini jarang disebut-sebut, namun kita tidak menafikan bahawa negara dan kerajaan di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah negara dan kerajaan yang berlandaskan titah Pemasyhuran Kemerdekaan ke arah mengukuhkan azam politik dan mencapai aspirasi nasional itu.

Demikianlah celoteh penutupan KKBI 2020 yang sengaja memfokus

fundamental Wawasan Brunei 2035 sesuai dengan temanya 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Dan untuk itu pula, difokus juga elemen-elemen yang menjadi azam politik dan aspirasi nasional dalam titah Pemasyhuran Kemerdekaan 1984.

Kedua-duanya dikirakan sesuai dengan konvensyen yang julung-julung kali dianjurkan dalam format dan programnya memfokus kepada belia-belia dengan harapan dapat mencetuskan idea-idea dan pemikiran yang sangat berkualiti dan holistik demi memenuhi hasrat negara melahirkan belia yang syumul holistik itu.

Semoga celoteh seorang yang dalam usianya dalam penghujung Siri 7 ini akan masih ada gunanya bagi awda sekalian para belia yang rata-rata dalam usia anak atau cucu saya.

Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Jangan tahu menuding jari, bekerjasamalah mengekang COVID-19!

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
 Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali daripada dilanda jangkitan wabak COVID-19 sejak kes penularan itu disahkan pada 9 Mac lalu dan sehubungan itu, beberapa agensi berkenaan bekerja keras dalam mengekang penularan jangkitan wabak berkenaan dari terus merebak di negara ini.

Dengan beberapa langkah dan inisiatif dijalankan oleh agensi-agensi yang terlibat dan semua pihak, walaupun situasi jangkitan di negara ini adalah terkawal, namun harus diingat juga orang ramai perlu peka dan sentiasa mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan serta bekerjasama sebagai usaha membanteras agar kes wabak menjadi sifar.

Berhubung dengan penularan jangkitan wabak COVID-19 yang kini melanda di negara ini, ia juga turut menimbulkan perasaan gusar dan gelisah kepada orang ramai lebih-lebih lagi kepada mereka yang disahkan dijangkiti wabak berkenaan.

Apa yang pasti, terdapat segelintir masyarakat akan mula menuding jari dan beranggapan negatif kepada pembawa wabak tersebut.

Dalam menghuraikan isu sikap stigma segelintir masyarakat terhadap pesakit dan keluarga mereka, Pegawai Perkembangan Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

"Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang maksudnya, tidak akan masuk syurga bagi yang memutuskan silaturahim," teglasnya.

Bagi mereka yang terkesan dengan kata-kata atau ungkapan kata yang telah dilontarkan oleh segelintir masyarakat sehingga tuduhan bertubi-tubi, kata mudah yang dapat dikatakan adalah mengamalkan sikap sabar.

Oleh itu, banyakanlah berdoa dan bersabar serta bermohonlah kepada Allah akan kesilapan yang

Hal ini berkait rapat dengan

kejadian sebegini sehingga ada keluarga atau rakan sanggup mengeluarkan kata-kata yang kesat dan sumpah seranah kepada pembawa wabak sehingga membabitkan kepada ahli keluarga tersebut.

Beliau juga menyatakan dalam hadis kudi maksudnya, "Wahai hamba-hamba-Ku, sesungguhnya kamu berbuat salah pada waktu malam dan siang, sedang Aku mengampunkan dosa-dosa itu semuanya, maka memohon ampunlah kamu kepada-Ku, nescaya Aku akan mengampuni kamu," (Hadis riwayat Muslim).

"Bila kita melihat akan hadis tersebut, ia menunjukkan bahawa setiap manusia itu mempunyai kesalahan dan kesilapan masing-masing. Namun begitu, peluang yang Allah berikan adalah untuk bertaubat hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata," jelasnya.

Seiring dengan itu, beliau juga sama-sama mengingatkan bahawa apa yang terjadi bukan yang dipinta namun ia menjadi pengajaran dan pedoman kepada pembawa wabak dan orang sekelilingnya.

"Oleh itu, jangan disebabkan sikap marah itu berlaku sehingga menyebabkan silaturahim terjejas dan boleh memisahkan ukhuwah Islamiah sesama kita.

"Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang maksudnya, tidak akan masuk syurga bagi yang memutuskan silaturahim," teglasnya lagi.

Bagi mereka yang terkesan dengan kata-kata atau ungkapan kata yang telah dilontarkan oleh segelintir masyarakat sehingga tuduhan bertubi-tubi, kata mudah yang dapat dikatakan adalah mengamalkan sikap sabar.

Oleh itu, banyakanlah berdoa dan bersabar serta bermohonlah kepada Allah akan kesilapan yang



PEGAWAI Perkembangan Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

telah kita lakukan. Amalkan untuk memaafkan orang lain kerana itu merupakan sikap yang terpuji. Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Penerima Taubat hamba-Nya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar ada menyatakan sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, terutamanya yang beragama Islam seharusnya mendoakan kesembuhan dan kesejahteraan orang-orang yang dijangkiti COVID-19 supaya NBD dilindungi daripada segala bencana dan wabak penyakit.

Pada Sidang Media yang telah diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan pada 10 Mac lalu, Yang Berhormat Menteri juga menekankan agar kita hendaklah bersatu dalam solidariti bagi menangani wabak COVID-19 ini dan bukannya mendiskriminasikan mana-mana pihak.

"InsyaAllah, dengan doa dan tawakal kepada Allah, kita akan berjaya mengawal penularan wabak ini. Amin," harapan Yang Berhormat.

Utamakan produktiviti pekerjaan dalam apa jua situasi



DAYANG Normazlina binti Mohd. Deli semasa memberi pandangan beliau mengenai Work From Home (WFH).

Oleh : Aimi Sani
 Foto : Ihsan Siti Afiqah Haji Adanan, Normazlina Mohd. Deli, Pg. Fairol Rezal Malek Faesal Pg. Haji Marali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Bekerja Dari Rumah atau Work From Home (WFH) merupakan salah satu langkah terbaik untuk mengekang penularan wabak COVID-19 yang melanda di seluruh dunia pada ketika ini.

Sesetengah sektor kerajaan dan swasta mula mencadangkan para pekerja untuk WFH ini. Secara umumnya, WFH mempunyai pelbagai kelebihan seperti mempunyai masa yang lebih fleksibel, persekitaran ruang tempat kerja tenang, keseimbangan antara rumah dengan pejabat lebih baik iaitu dapat meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga dan tidak perlu terbabit dalam kesesakan lalu lintas.

Namun, tidak dinafikan terdapat beberapa cabaran dan rintangan turut dihadapi oleh segelintir pekerja tentang bagaimana untuk kekal produktif dan membahagikan masa ketika berada di rumah, contohnya masih perlu melakukan dobi, menyediakan hidangan untuk keluarga dan membersihkan rumah.

Dayang Siti Afiqah binti Haji Adanan, seorang guru yang mengajar rendah bawah di salah sebuah sekolah swasta ketika ditemui berkata, antara cabaran yang beliau hadapi ialah keterbatasan kelas dalam talian bersama murid dari segi perbincangan kerana sebahagian besar murid belum mahir menggunakan komputer dan bergantung harap kepada ibu bapa.

Menurut beliau, untuk membuat perbincangan secara berkumpulan itu agak sukar kerana ada sesetengah murid terpaksa menunggu ibu bapa atau penjaga untuk pulang ke rumah setelah selesai bekerja kerana harus difahami juga, bukan semua ibu bapa atau penjaga dapat bekerja dari rumah. Dalam pada itu, cara alternatif adalah menyediakan Home Pack Learning (HPL). Selain itu juga, keterbatasan internet juga menjadi masalah bagi sesetengah murid.

Namun begitu, Siti Afiqah tetap bersetuju dengan pihak kerajaan kerana pada peringkat permulaan ini memang sukar untuk dilaksanakan kerana ia adalah peringkat permulaan tetapi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan anak-anak murid serta warga sekolah yang lainnya tetap menjadi keutamaan dalam membendung wabak COVID-19 ini daripada terus menular.

Siti Afiqah turut melahirkan harapan beliau sebagai seorang guru kepada anak murid ketika Brunei dan seluruh dunia menghadapi dugaan ini, agar murid dari pelbagai peringkat akan sentiasa fokus dan peka terhadap pelajaran mereka, selain sentiasa membuat yang terbaik di samping mengulang kaji pelajaran, meskipun kelas hanya dijalankan secara dalam talian, ini tidak bermakna murid menjadi lalai atau kurang semangat untuk belajar, namun anggaplah ia sebagai satu cabaran untuk menjadi pembakar semangat diri untuk berjaya.

Sementara itu, Dayang Normazlina binti Mohd. Deli berkata, untuk melaksanakan tugas atau WFH itu ada baik dan juga buruknya.

"Antara kebaikan bekerja dari rumah ialah dapat meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga. Walau bagaimanapun, bekerja di rumah kadang-kadang boleh terjejas dengan persekitaran contoh, apabila terdapat kanak-kanak di dalam rumah yang boleh menggugat fokus bekerja," jelasnya.

Namun sebagai pengusaha dalam talian dan bekerja sendiri terangnya, tiada masalah bagi dirinya untuk membahagikan masa bersama anak-anak dan fokus terhadap tugas-tugas beliau.

Manakala, Pg. Fairol Rezal Malek Faesal bin Pg. Haji Marali berkata, beliau yang membuka perniagaan sendiri setelah berhenti menjadi wartawan, bekerja di rumah memang memberi kelebihan berbanding bekerja di pejabat terutama di zaman serba canggih ini.

Memang tidak dinafikan memang terdapat kelemahan bekerja di rumah tetapi jika diberi dedikasi dengan serius, setiap individu akan dapat melaksanakannya dengan baik dan sempurna yang sememangnya harus dimanfaatkan oleh setiap pekerja mahupun di sektor kerajaan atau swasta pada ketika ini.

Setiap orang mempunyai cara berbeza. Apa yang penting kita harus sentiasa mengutamakan produktiviti dalam apa juga keadaan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hayati Perjalanan Israk dan Mikraj Rasulullah'. Tarikh Tutup : 8 April 2020
2. 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 15 April 2020
3. 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

دُعَاءٌ مُّوْهِنٌ كَفَدَ اللَّهُ سُقَايٍ تِرْسَلَامَةٌ دَرْفَدْ بِلَاءَ دَانْ سَكَلْ جَنِيسْ فِيَكِيتْ

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطَفْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهُ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبَرُ، وَتُنْصَصِّي بِهِ الْخَوَاعِيْغُ، وَتُنْتَأَلُّ بِهِ الْأَرْغَابِيْثُ وَالْخَوَاتِيْمُ، وَتُسْتَسْقَى الْعَنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِيهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَسْخَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلَّ مَعْلُومٍ لَكَ.

وَسَعْيُ كُرْسِيِّهِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَلَا يُؤْدُهُ حُفَاظُهُمَا وَهُوَ أَعْلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

Peringatan:

Ayat ini dibaca bagi mendak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-kedaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهُ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبَرُ، وَتُنْصَصِّي بِهِ الْخَوَاعِيْغُ، وَتُنْتَأَلُّ بِهِ الْأَرْغَابِيْثُ وَالْخَوَاتِيْمُ، وَتُسْتَسْقَى الْعَنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِيهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَسْخَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلَّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya:

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurallah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapalah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdian mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuranrahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya:

Salawat ini amar luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardhu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعَدْتَكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِيْنَهُ، لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya:

"Ya Allah Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engku telah menciptakan ku, dan aku harbaMu. Aku berada dalam kaitan janjiMu menurut kemampuanku. Aku berlindung denganMu dari kejahatan yang kulakukan. Aku sedari ni'matMu kepadaiku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadlatnya:

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يع مباوا كبر او نتو غن ساعت بسر كقد قعملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَّ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan:

Menurut hadith, barangsiapa mengalami kesusahan atau dalam dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasaNya akan melepaskan orang itu dari apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan:

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup 'aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadith, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar dari setiap dukacita, dari kesempitan dan kesusahan serta menguniakannya rezeki dari sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسِبْنَا اللَّهَ وَرَبِّنَا الْوَكِيلَ

(Memadalah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan:

Ini adalah ayat al-Qur'an, Surah ali 'Emran ayat 173. Menurut hadith, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir (aurat) ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْفِرُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu juga, tolonglah aku/bantulah aku!).

Penerangan:

Ini adalah zikir hebat, Barangsiapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekaligus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Didalam sebuah riwayat, Nabi *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah juga).

Penerangan:

Ini adalah ayat al-Qur'an, Surah Ghafir ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan dari segala musibah berlaku. Malah binatang buas seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 24/04/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei
Darussalam.

TARIKH IKLAN : 06 APRIL 2020

TARIKH TUTUP : 04 MEI 2020

1. PEGAWAI REKOD PERUBATAN
C.2 EB.3 (BAHAGIAN III)
KEMENTERIAN KESIHATAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/0013/03

2. PEMBANTU MAKMAL
M.3 EB.4 (BAHAGIAN IV)
JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK
KEMENTERIAN KESIHATAN
KEKOSONGAN = DUA (02)
2020/0013/04

3. PEMBANTU MAKMAL
D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/0013/05

MAKLUMAN PEMBATALAN IKLAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

JAWATAN	KEMENTERIAN/JABATAN	TANGGA GAJI	KEKOSONGAN	PERATURAN	TARIKH IKLAN
PENERBIT TINGKAT II (2020/0011/09)	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	C.1-2 EB.3	2	7(a)	14.03.2020 – 28.03.2020 yang dilanjutkan ke tarikh 11.04.2020

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan tersebut di atas adalah dibatalkan oleh sebab-sebab yang tertentu.

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Quicklinks* dan *FAQ's* di
www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah
menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : II & III
KATEGORI :
KA01, M03 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
5 MEI 2020
(SELASA)

TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 002 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTREK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN SISTEM
PENGEPAM AIR DAN
PEMELIHARAAN TANGKI
AIR BANGUNAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
COMMONWEALTH DRIVE
SELAMA 36 BULAN

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -



KEMENTERIAN
PERTAHANAN



TAWARAN NO. :
JPPK / LTK /13 / 2020

REPLACEMENT OF CARPET TILES
AT SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH INSTITUTE OF DEFENCE
AND STRATEGIC STUDIES
(SHHBIDSS), BOLKIAH GARRISON

BAYARAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : II & KE ATAS

KATEGORI : KA 01, KPB16 & B01

TEMPOH PENYIAPAN :
DUA (2) BULAN

TARIKH TUTUP :
SELASA, 14 APRIL 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN
PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTN / 42 / 2020

FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE OF BERAKAS
GARRISON, BANGAR CAMP
AND PULAU BARU-BARU,
MINISTRY OF DEFENCE

BAYARAN TAWARAN
(tidak dikembalikan) :
BND1,000.00 - Yuran Tawaran
BND5.00 - E-Dokumen
Jumlah : BND1,005.00

DOKUMEN 'MINISTRY OF DEFENCE :
STANDARD SCHEDULE OF RATES
(MINDEF SOR) 2019 EDITION'
(tidak dikembalikan)
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)

KELAS : V & KE ATAS

KATEGORI : KA 01 & B01

TEMPOH PENYIAPAN :
LIMA (5) TAHUN

TARIKH TUTUP :
SELASA, 19 MEI 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG





KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

IKLAN JAWATAN KOSONG

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-syarat Am :

a) PEMOHON mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c) Cara permohonan rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 38 (b)

Dibukakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan / tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-jabatan di bawahnya, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan atau kriteria-kriteria yang dikehendaki bagi jawatan tersebut.

**1. JAWATAN :
Penolong Pensyarah (PT1) /
Pensyarah (PT1A)**

2. BAHAGIAN : II

**3. TANGGA GAJI :
PT1 (BND2,905.00 - BND3,000.00 -
BND3,095.00 - BND3,190.00)**

ATAU

**PT1A (BND3,190.00 - BND3,300.00 -
BND3,410.00 - BND3,520.00 -
BND3,640.00 - BND3,760.00
EB Khas BND3,880.00 - BND4,240.00)**

**4. KEKOSONGAN JAWATAN :
1 kekosongan**

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

BAGI TANGGA GAJI PT1

a) i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

(selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

ii. Benar-benar mempunyai minat untuk mengajar dan membuat penyelidikan.

iii. Berumur tidak melebihi 30 tahun adalah satu kelebihan.

BAGI TANGGA GAJI PT1A

b. i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dimana calon menjalani kursus PhD dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD).

ii. Benar-benar berminat untuk mengajar dan membuat penyelidikan.

iii. Berumur tidak melebihi 35 tahun adalah satu kelebihan

PEMBERITAHUAN

1. Penggunaan Borang KUPU SB/P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Pejabat Pendaftar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan atau melayari laman sesawang : www.kupu-sb.edu.bn.

2. Pemohon hendaklah melengkapkan borang KUPU SB/P1 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, Kad Pintar, Surat-Surat Akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut :

**PENDAFTAR
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN,
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA,
BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Telefon : +673 2236277
Faksimili : +673 2225226

Tarikh Tutup Iklan : 27 April 2020
Rujukan Iklan :
KUPU SB / PJW / 06 / 2020



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



Tajuk Sebut Harga 1 :
**SUPPLY AND DELIVERY
OF ROYAL RED
CARPET FOR WALKWAY,
BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT**

AME / 2020 - 2021 / SH-33

Tarikh tutup tawaran :
RABU
8 APRIL 2020
(HINGGA JAM 2.00 PETANG)



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA



**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS : V & VI SAHAJA
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
21 APRIL 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DOR / SRC 26 / 2019**

**NAMA PROJEK :
CADANGAN MEMBAIK PULIH
JALAN TUTONG**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**TAWARAN
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN BILANGAN :
JDBM / Q / 17 / 2020**

**MEMBAIK PULIH TIANG DAN PAK
KONKRIT JAMBATAN UTAMA
KAMPUNG SUNGAI MATAN,
MUKIM KOTA BATU,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP :
SELASA, 14 APRIL 2020,
JAM 2.00 PETANG**



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

**TENDER NO. :
RTB / K / 01 / 20-21**

**PENGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN
PROGRAM FILLER, 'ASEAN
HANDOVER
CHAIRMANSHIP 2020' BRUNEI
DARUSSALAM**

**BAYARAN SEBUT HARGA :
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :
RABU, 29 APRIL 2020**



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**KETERANGAN :
THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION,
CONFIGURATION, MIGRATION,
TESTING, COMMISSIONING
AND MAINTENANCE OF
LIBRARY MANAGEMENT
SYSTEM (LMS) AND DIGITAL
COLLECTION MANAGEMENT
SYSTEM (DCMS) FOR
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :
BND500.00
(tidak dikembalikan)**

**BAYARAN DOKUMEN :
SELASA, 14 APRIL 2020,
2.00 PETANG**



**BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 002 / 2020**

IKLAN



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 123 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

**MUHD. NOR AFIZZ BIN ABDULLAH
(BYIC No. 00-294091)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada 14 April 2020, jam 2.15 Petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 14 April 2020, jam 2.15 Petang.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 11 Mac 2020.

KES NO. BCY / CP / 243 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD

- Pemutang / Pemetsiyen

**HIDAYATUL SALIMAH BINTI SALIM
(BYIC No. 00-313975)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada 6 April 2020, jam 9.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 6 April 2020, jam 9.00 Pagi.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 9 Mac 2020.

KES NO. BCY / CP / 531 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

**MUHAMMAD ARIF BIN MAUN
(BYIC No. 00-320835)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada 14 April 2020, jam 10.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 14 April 2020, jam 10.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 12 Mac 2020.

KES NO. BCY / CP / 27 / 2019

perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 14 April 2020, jam 2.45 Petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 12 Mac 2020.

KES NO. BCY / CP / 27 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

**SOFIAN ANAK GENDING
(BYIC No. 00-283062)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 9 Mac 2020.

jam 9.30 Pagi.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 9 Mac 2020.

KES NO. BCY / CP / 9 / 2019

BAIDURI BANK BERHAD

- Pemutang / Pemetsiyen

**AWG. MOHAMMAD ALIFF
BIN AWG. RAZALI
(BYIC No. 00-307664)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar pada 14 April 2020, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 14 April 2020, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 9 Mac 2020.

KES NO. BCY / CP / 121 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

**HJH. RASIDAH BINTI HJ. IBRAHIM
(BYIC No. 00-259817)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 Disember 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar pada 21 April 2020, jam 9.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 21 April 2020, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 11 Mac 2020.

HARNITA ZELDA SKINNER

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 482 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang / Pemetsiyen

**AZRI IRWANDY BIN HAJI PUASA
(ABDB IC No. 265767)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 9 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada 14 April 2020, jam 2.45 Petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam

perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 14 April 2020,



Tatacara Menghadapkan Permohonan ke Jabatan Buruh melalui Peti Permohonan

nota: Bagi Cawangan-Cawangan mungkin menggunakan proses tatacara yang berbeza



Tiba ke Jabatan Buruh.



Menjalani saringan suhu badan daripada Pengawal Keselamatan.



Mengisikan Buku Daftar Masuk yang disediakan.



Permohonan mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengannya menyatakan perkara seperti berikut:

- Alamat E-mel yang sah
- Nombor Telefon dengan Whatsapp yang aktif
- Tarikh Menghantar Permohonan
- Jenis Permohonan
- Nyatakan U.P. Bahagian yang dimaksudkan

Adalah digalakkan untuk mengambil gambar sampul surat permohonan sebelum penyerahan.



Sampul surat yang berisi permohonan hendaklah dihantar melalui Peti Permohonan.



Setelah itu, awda akan menerima makluman dan gambar resit daripada Jabatan Buruh melalui e-mel untuk dicetak.




Tatacara Mengambil Keputusan Permohonan di Jabatan Buruh

nota: Bagi Cawangan-Cawangan mungkin menggunakan proses tatacara yang berbeza



1

Menerima makluman untuk mengambil keputusan permohonan daripada Jabatan Buruh melalui Whatsapp.




2

Tiba ke Jabatan Buruh.




3

Menjalani saringan suhu badan daripada Pengawal Keselamatan.




4

Mengisikan Buku Daftar Masuk yang disediakan.



5

Sila terus ke Meja Kaunter dan bertanya kepada salah seorang Kakitangan Jabatan.



6

Sila tunjukkan resit yang dicetak dari e-mel dan teks Whatsapp untuk kutipan.



7

Sila isikan Buku Daftar bagi mengambil Keputusan Permohonan.



8

Ambil permohonan awda.



Perkhidmatan Peminjaman Buku

Pinjam buku
dari perpustakaan
berdekatan dengan
tiga langkah
mudah

PILIH

Pilih buku yang akan
dipinjam melalui portal
ePerpustakaan

<https://www.librarybrunei.gov.bn/library/dbp/>

TEMPAH

Hubungi
hotline
8266880
untuk
menempah

AMBIL



Ambil buku yang telah
ditempah di perpustakaan
DBP yang dipilih



Untuk keterangan lanjut hubungi hotline perpustakaan melalui aplikasi whatsapp di talian +6738266880

FAQ (soalan-soalan lazim) berkaitan perkhidmatan perpustakaan semasa penutupan perpustakaan

<https://www.librarybrunei.gov.bn/library/soalan-soalan-lazim-mengenai-penutupan-sementara-perpustakaan-dewan-bahasa-dan-pustaka/>

Etika Batuk & Bersin

Cough & Sneeze Etiquette

1

Ketika hendak batuk atau bersin, palingkan muka awda daripada orang lain dan makanan yang berdekatan.

When you are about to cough or sneeze, keep your face away from others and any nearby food.

2

Tutup mulut dan hidung awda dengan tisu.

Cover your mouth and nose with tissue.

3

Segera buang bekas tisu ke dalam tong sampah yang bertutup.

Throw the used tissue away immediately into a closed bin.

4

Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut awda.

Avoid touching your face, nose or mouth.

5

Cuci tangan dengan sabun dan air yang bersih selama 40 saat ATAU gunakan gel pembersih tangan beralkohol selama 20 saat.

Wash hands with soap and clean water for 40 seconds OR use alcohol-based hand sanitiser for 20 seconds.

6

Jika awda mengalami demam, batuk dan selsema - jarakkan diri awda sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain ATAU gunakan penutup mulut dan hidung untuk melindungi orang sekeliling.

If you have a fever, cough and runny nose - keep yourself at least 1 metre away from other people OR wear surgical mask to protect others.



Belia Berwawasan

Generasi peneraju masa depan negara

Ingin tingkatkan industri kreatif, profileman tempatan



Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Azmah Haji Ahad

INDUSTRI profileman di Negara Brunei Darussalam memang kurang menarik minat dalam kalangan penduduk di negara ini. Malahan, ada yang beranggapan penglibatan dalam industri tersebut belum dapat menjamin masa hadapan seseorang untuk dijadikan sebagai mata pencarian jika dibandingkan dengan situasi di luar negara. Namun di sebalik stigma tersebut, tidak mematahkan semangat bagi personaliti Belia Berwawasan kali ini yang nekad untuk menceburkan diri dalam bidang tersebut.

Berusia 21 tahun, Dayang Siti Nur Hamizah binti Haji Hamzah mendalamai pengetahuannya dalam dunia profileman dan industri kreatif dengan mengikuti pengajian di Mahakarya Institute of The Arts Asia, jurusan Diploma dalam Screen dan Media. Minatnya dalam Seni Lukisan, Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu ketika masih menuntut di sekolah lagi telah mendorongnya untuk cuba melibatkan diri dalam bidang profileman dan media, di mana ia saling mempunyai kaitan. Selain itu, dia juga berminat dengan filem-filem animasi sejak kanak-kanak dan bercita-cita untuk menjadi seorang animator.

Pencapaian

Meskipun belum menamatkan pengajian, Dayang Siti Nur Hamizah telah pun menunjukkan kebolehannya dengan

mencapai beberapa kejayaan yang boleh dibanggakan. Antara pencapaianya ialah mendapat Johan Pertandingan Filem Pendek sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019, anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Kemenangan filem pendek bertajuk 'Belia Kitani Arah AIFFA 2019' itu juga dikongsikan dan dihasilkan bersama rakan-rakannya iaitu Dayangku Jazmeena Anatasya binti Pengiran Norasmadi, Awangku Ahmad Al-Fathullah bin Pengiran Haji Sellahudin, Mohamad Azamuddin bin Sukarman dan Donovan Ang Zhen Zhao.

Selain itu, salah satu hasil karyanya iaitu Nuansa Darussalam Jilid Kedua : Jim Alif Wau Ya, hasil bimbingan AITI Brunei, Mahakarya Institute of The Arts Asia, dan Origin Artistic Management juga telah disiarkan dalam saluran Astro Oasis Malaysia. Dayang Siti Nur Hamizah juga telah menerbitkan iklan Gleneagles JPMC di samping terlibat dalam penggambaran Projek UNN dan menyertai Pertandingan Filem pendek Brunei Film Blitz (Tajuk : TER).

Prosedur Menghasilkan Filem

Dalam pada itu, Dayang Siti Nur Hamizah berpeluang mengongsikan prosedur dalam menghasilkan sesebuah filem di mana dia dan rakan-rakannya diajar teknik menggunakan kamera dan peralatan-peralatan tertentu. Mereka

juga diajar untuk menggunakan tutur cara dan disiplin yang betul semasa membuat sesi temu duga bersama beberapa tokoh terkemuka dan tidak kurang pentingnya mentaati jadual waktu penggambaran.

Untuk menghasilkan filem ketika ini, beliau menggunakan kamera DSLR, perekam suara Tascam dan mikrofon pin. Kemahiran salah seorang rakannya dalam menggunakan drone menjadi nilai tambah bagi mereka dalam menghasilkan sesebuah filem di mana mereka telah mengaplikasikan pengetahuan rakannya untuk sebagai pembuka filem yang diterbitkan.

Setelah selesai penggambaran, proses penyuntingan video pula dilakukan menggunakan program Adobe Premiere Pro, salah satu program suntingan yang diperkenalkan dan diajar kepada mereka. Setiap pelajar akan diberi kategori yang berbeza semasa sesi penyuntingan, di mana Dayang Siti Nur Hamizah diarahkan untuk membuat sari kata untuk filem pendek bertajuk 'Belia Kitani Arah AIFFA 2019'.

Cabar

Ketika ditanya mengenai cabaran yang dihadapinya sepanjang penglibatan dalam industri ini, Dayang Siti Nur Hamizah menjelaskan pada mulanya dia sering menghadapi kesusahan dalam proses penggambaran dan suntingan kerana kurang mahir dalam penggunaan peralatan kamera dan sistem digital. Tambahan pula, tiada ahli keluarganya yang mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut untuk dijadikannya

sebagai rujukan. Namun, dia tetap memberanikan diri menyahut cabaran dalam bidang ini bagi mencapai cita-cita untuk membina kerjaya dalam industri kreatif. Dia mengatasi semua cabaran yang dihadapi dengan sentiasa belajar daripada cabaran tersebut.

Harapan Dan Pesanan

Menyentuh mengenai perancangan pada masa hadapan, Dayang Siti Nur Hamizah berhasrat ingin menjadi seorang individu yang mampu meningkatkan industri kreatif dan profileman di negara ini. Oleh itu, dia bersama rakan-rakan seperjuangannya akan sentiasa berusaha untuk terus menghasilkan karya-karya filem tempatan yang bermutu dan mewakili negara ini dalam Pertandingan Filem Peringkat Antarabangsa.

Dalam pada itu, dia melahirkan harapan agar masyarakat di negara ini akan mengubah gaya fikiran mereka dan menerima kebaikan industri kreatif dan profileman dan menaruh keyakinan bahawa industri kreatif mampu menyokong perkembangan ekonomi negara dan membantu menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Kepada para belia di Brunei, Belia Berwawasan ini meninggalkan sedikit nasihat agar mengabaikan sifat takut dengan cabaran yang akan datang. Beranikanlah diri masing-masing untuk mencuba sesuatu yang baharu dan setiap belia perlu yakin dengan bakat dan kemampuan mereka kerana setiap individu mempunyai kelebihan yang terpendam.

10 ditahan terlibat penyalagunaan dadah



ALAT perkakas yang dipercayai digunakan untuk menghisap dadah.

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 April. - Sebagai agensi utama dalam pembantuan aktiviti penyalahgunaan dadah terkawal di negara ini, Biro Kawalan Narkotik (BKN) tetap menjalankan tanggungjawab mereka, walaupun pada masa pandemik COVID-19 ini.

Sehubungan itu, BKN berjaya membuat serbuan ke atas satu perkumpulan kegiatan aktiviti penyalahgunaan dadah pada Rabu, 1 April 2020 di sebuah kediaman di Kampung Selayun 'B'.

Dalam serbuan tersebut, mereka berjaya menangkap 10 lelaki berumur dalam lingkungan 17 hingga 43 tahun, di mana dua daripada mereka adalah warga asing.

Sementara itu, dua daripada

tangkapan juga adalah mereka yang gagal untuk melaporkan diri ke BKN dan telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan atas kesalahan Seksyen 6(b) Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27 iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal.

Hasil daripada serbuan dan pemeriksaan ke atas tempat kejadian, mereka menemui beberapa potongan straw serta paket-paket plastik berisi ketulan hablur dipercayai mengandungi dadah Kelas A jenis Syabu. Antara barang lain yang turut dirampas ialah beberapa alat perkakas yang dipercayai digunakan untuk menghisap dadah.

Tangkapan tersebut masih di dalam siasatan di bawah kesalahan

seperti berikut :

- Seksyen 6(a) APD, Penggal 27 iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal yang membawa hukuman penjarahan sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya;

- Seksyen 6(b) APD, Penggal 27 iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal yang boleh membawa hukuman penjarahan sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya; dan

- Seksyen 7 APD, Penggal 27 iaitu atas kesalahan memiliki alat perkakas yang digunakan untuk memakan dadah terkawal yang boleh membawa hukuman penjarahan sehingga tempoh tiga tahun atau denda sebanyak BND10,000 atau kedua-duanya.

BKN ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah APD, Penggal 27, jika terlibat dengan apa jua bentuk aktiviti berhubung dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah terkawal.

Di samping itu, perkumpulan tersebut juga jelas tidak mengendahkan arahan Kementerian Kesihatan dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 yang mana boleh membahayakan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga kesejahteraan dan keselamatan negara.

Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah, bolehlah menghubungi talian +673 2448877 (pada waktu pejabat sahaja), Hotline +673 877444 (selepas waktu pejabat) atau e-mel ke ncb@narcotics.gov.bn.

Cubaan seludup minuman keras gagal



SEBANYAK dua ribu lebih tin dan botol minuman keras pelbagai jenama telah berjaya dirampas.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

LIMAU MANIS, Ahad, 5 April.

- Sebanyak dua ribu lebih tin dan botol minuman keras pelbagai jenama telah berjaya dirampas setelah cubaan untuk di seludup masuk ke negara ini gagal.

Insiden tersebut berlaku di kawasan jalan tikus Kampung Kuala Lurah ketika rondaan sempadan keanggotaan daripada Unit Operasi Khas, Pasukan Simpanan Polis C Kompeni, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menemukan sejumlah barang tegahan ditinggalkan berselerakan di atas semak. Turut dijumpai ialah seorang lelaki yang mencurigakan di kawasan-kawasan sempadan negara ini dalam usaha menangani jenayah-jenayah rentas sempadan.

Siasatan awal pihak polis mendapati bahawa lelaki tersebut

merupakan seorang warga tempatan bernama Jum Ehirul bin Akob yang berumur 41 tahun dan dipercayai mempunyai penglibatan terhadap kegiatan penyeludupan minuman keras tersebut.

Suspek berserta barang rampasan dibawa ke Balai Polis Limau Manis untuk siasatan lanjut dan peralihan siasatan akan diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi tindakan selanjutnya.

PPDB akan sentiasa berusaha dalam membuat pemantauan, risikan serta pengesanan terhadap sebarang kegiatan jenayah di kawasan-kawasan sempadan negara ini dalam usaha menangani jenayah-jenayah rentas sempadan.

Penemuan barang tegahan semasa sekatan jalan raya



HASIL dari operasi sekatan jalan raya didapati seorang pemandu tempatan bersama lima kotak minuman keras.

BRUNEI MUARA, Ahad, 5 April. - Beberapa buah kawasan

Jalan Utama dan Lebuhraya di Brunei Muara telah menjadi lokasi pilihan bagi operasi sekatan jalan raya yang telah dijalankan oleh keanggotaan daripada Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas pada 4 April 2020.


Objektif utama operasi sekatan dijalankan adalah bagi memastikan para pengguna jalan raya sentiasa patuh dan akur dengan peraturan-peraturan lalu lintas yang ditetapkan di negara ini, di samping membentuk serta memberikan kesedaran kepada orang ramai akan kepentingan sikap pemanduan yang berhemah, sentiasa peka dengan kenderaan yang dipandu dalam keadaan yang baik dan selamat untuk

berada di atas jalan raya.

Hasil keseluruhan daripada operasi sekatan telah menahan sebuah kenderaan dan pemandunya semasa pemeriksaan dijalankan dan mendapati ada bersamanya lima kotak minuman keras yang tersimpan di bahagian bonet belakang kenderaan berkenaan.

Pemandu merupakan seorang warga tempatan bernama Muhammad Asrimin bin Awang Haji Alim, 30 tahun dan tidak mempunyai pekerjaan.

Pemandu berserta barang tegahan dibawa ke Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan diserahkan selanjutnya kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi siasatan lanjut.



PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI

COVID-19 : Sumbangan kepada orang asli diberikan berperingkat



TOK Batin Orang Asli suku Semaq Beri, Rosli Desoh memakai penutup hidung dan mulut sebagai langkah membendung penularan COVID-19 ketika ditemui pada misi bantuan Tabung Musa'adah COVID-19 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Perkampungan Orang Asli Sungai Berua, hari ini. Orang Asli di perkampungan tersebut patuh dengan saranan kerajaan agar duduk di rumah dan mereka tidak lagi ke hutan bagi mencari hasil hutan seperti sebelum ini sebagai langkah membendung penularan COVID-19. -- BERNAMA

COVID-19 : Angka korban di Indonesia cecah 198, pemerintah kekal arahan pembatasan sosial

JAKARTA, 5 April. - Pemerintah Indonesia tidak mengenakan larangan keluar rumah bagi menangani pandemik COVID-19 namun kekal menekankan pembatasan sosial berskala besar (PSBB) dalam semua aspek aktiviti masyarakat untuk mencegah penularan virus itu.

Ketika jumlah kematian akibat virus itu meningkat kepada 198 kes, rakyat Indonesia masih bebas keluar rumah namun mereka perlu mematuhi arahan PSBB selain memberi penekanan berkaitan penjagaan kebersihan diri dan kesihatan.

Jurucakap Pemerintah Indonesia berkaitan COVID-19 Achmad Yurianto berkata tujuh lagi kematian dicatat dalam tempoh 24 jam, menjadikan jumlah setakat ini ialah 198, manakala kes positif bagi tempoh 12 tengah hari semalam sehingga 12 tengah hari ini meningkat kepada 2,273.

"Mulai hari ini, pemerintah juga menasihatkan seluruh

HULU TERENGGANU, 5 April. - Sumbangan dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli yang turut terkesan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19, akan dilakukan secara berperingkat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, pihaknya melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan sedaya upaya memastikan tiada Orang Asli tercicir, daripada menerima sumbangan melalui Tabung Musa'adah COVID-19 JAKIM.

"Usaha untuk menyampaikan sumbangan ini dilakukan dari semasa ke semasa, dan sepantas mungkin. Hasrat kita adalah untuk memastikan isu kekurangan bekalan makanan kepada 124 keluarga di perkampungan tersebut.

masyarakat ini, sepanjang PKP tidak timbul.

'Kita beri sumbangan mengikut rumah. Kalau mana-mana tok batin beritahu ada (penghuni) rumah itu tidak dapat kerana mungkin terlepas pandang, jangan risau, kerana pihak JAKIM akan segera sampaikan bantuan,' katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Misi Sumbangan Tabung Musa'adah COVID-19 JAKIM, di Perkampungan Orang Asli Sungai Berua, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Zulkifli menyerahkan sumbangan wang tunai dan bekalan makanan daripada tabung berkenaan, kepada 124 keluarga di perkampungan tersebut.

Terengganu merupakan lokasi keempat penyerahan bantuan itu selepas Perak, Pahang dan Kelantan.

Zulkifli berkata, penyampaian sumbangan Tabung Musa'adah COVID-19 JAKIM kepada masyarakat Orang Asli, diselaraskan oleh jabatan itu melalui 244 orang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), yang akan menyantuni masyarakat itu di sembilan negeri di Semenanjung.

"Sumbangan ini merupakan hasrat dan amanah masyarakat, yang perlu diagihkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, tanpa mengira agama," katanya.

Sementara itu, Pengurus Majlis



Pengurusan Komuniti Kampung Sungai Berua Alias Pelong berkata, setakat ini semua penduduk kampung memahami dan mematuhi PKP, yang kini memasuki fasa kedua.

Beliau berkata, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) turut mengambil pelbagai inisiatif, menyampaikan maklumat berhubung PKP dan ancaman penularan jangkitan COVID-19.

"Cuma semasa mula-mula PKP dilaksana sebelum ini, ada penduduk kampung yang masuk ke hutan mencari hasil seperti rotan. Tetapi kita sudah panggil mereka balik. Kini semua penduduk berada di rumah masing-masing," katanya. -- BERNAMA

COVID-19: Kes seluruh dunia melebihi 1.2 juta, lebih banyak daerah di Wuhan diklasifikasikan berisiko rendah

BEIJING, 5 April. - Dunia kini berdepan ancaman COVID-19, penyakit yang sebelum ini tidak diketahui puncanya, tetapi sudah merebak ke lebih 200 negara dan rantau.

Di WASHINGTON, agensi berita Xinhua melaporkan, jumlah kes COVID-19 sudah melebihi 1.2 juta, berdasarkan data dikumpul Johns Hopkins University pada Sabtu.

Di TOKYO, Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Jepun pada Ahad berkata, kes jangkitan COVID-19 di seluruh negara sehingga jam 10.30 pagi waktu tempatan sebanyak 3,506 meningkat 367 kes berbanding hari sebelumnya.

Jumlah kematian akibat virus maut itu setakat ini kekal 96 orang, menurut kementerian yang turut memasukkan data kes di atas kapal persiaran Diamond Princess, kini dikuarantin di Yokohama, dekat Tokyo.

Di WUHAN, sebuah lagi daerah di bandar yang terjejas teruk akibat COVID-19, kini diisyiharkan sebagai kawasan berisiko rendah, menurut ibu pejabat pusat kawalan dan Pencegahan wabak wilayah.

Ini menjadikan jumlah kawasan berisiko rendah di Wuhan sebanyak sembilan daripada 13

daerah.

Empat daerah lain diklasifikasikan sebagai berisiko sederhana, menurut ibu pejabat itu.

Di BEIJING, pihak berkuasa kesihatan China pada Ahad berkata, ia menerima laporan 30 kes baharu COVID-19 di tanah besar China dengan 25 daripadanya kes import.

Lima kes domestik baharu dilaporkan di Wilayah Guandong.

Juga pada Sabtu, tiga kematian, semua di Wilayah Hubei dan 11 lagi kes disyaki dilaporkan, kesemuaanya kes import.

Menurut Suruhanjaya itu, 213 orang dibenarkan keluar hospital manakala jumlah kes kritis susut 36 kes menjadikan jumlah semasa 295.

Di BRUSSELS, Sepanyol mengesahkan 124,736 kes pada Sabtu mengatasi Itali yang merekodkan 124,632 kes.

Sepanyol negara yang mencatatkan kes paling banyak di Eropah dan kedua tertinggi di dunia selepas Amerika Syarikat.

Berdasarkan data Johns Hopkins University, Amerika kini mempunyai lebih 300,000 kes positif.

Di ROM pula, wabak COVID-19 sudah mengorbankan lebih 15,000 orang di Itali yang

kini menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan sepenuhnya, menurut data Jabatan Pertahanan Awam negara itu.

Pada sidang akhbar, Ketua Jabatan Pertahanan Awam Angelo Borrelli mengesahkan 2,886 kes aktif baharu dilaporkan menjadikan keseluruhan kes sebanyak 88,274.

Di SAN FRANCISCO, Persatuan Jururawat Unit Rawatan Rapi Amerika (AACN) mendesak kerajaan dan orang awam mengambil tindakan segera menyediakan bekalan peralatan perlindungan perubatan peribadi.

Persatuan itu memberi amaran, lebih banyak angka korban akan dicatatkan andai bekalan seperti pakaian perlindungan diri (PPE), ventilator dan topeng muka dan sebagainya, tidak dibekalkan dengan segera.

Di QUITO, Kementerian Kesihatan Awam Ecuador pada Sabtu melaporkan jumlah terbaru kes COVID-19 di negara itu sebanyak 3,465, dengan 172 kematian.

Naib Menteri Kesihatan, Ernesto Carrasco menyatakan, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 97 kes baharu dilaporkan dengan 27 kematian dicatatkan.

-- BERNAMA

Berniaga dalam talian, pasarkan di kawasan kejiranan cara terbaik 'Cari Makan' semasa PKP

kawasan kejiranan merupakan kaedah yang paling sesuai.

Melalui kaedah itu, peniaga dapat memastikan bahawa barang, terutama makanan untuk juadah berbuka, yang dipesan oleh pelanggan sampai dengan cepat.

"Masa PKP ini, cuba fokuskan pelanggan kita daripada kalangan mereka yang tinggal berhampiran dengan kita, jika kita duduk di flat atau pangaspuri, pasarkan ia dalam kalangan penduduk flat atau pangaspuri itu, jika kawasan taman perumahan, pasarkan kepada

penduduk taman itu.

Perkara ini penting kerana semasa tempoh perintah ini, kita tidak boleh bergerak jauh dan jika usahawan ini menumpukan untuk memasarkan barang jualan mereka di kawasan kejiranan sendiri, saya percaya mereka boleh mendapat keuntungan," katanya.

Abd Azharee berkata demikian semasa menjadi seorang daripada panel program temu bual Santai Ahad anjuran Institut Darul Ehsan yang disiarkan secara langsung di laman sosial.

Turut menjadi panel dalam program berkenaan Senator Dr Yaacob Sapari.

Sementara itu, Yaacob menyarankan agar kerajaan negeri menambah peruntukan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi membolehkan mereka membantu petani yang terjejas akibat PKP.

Beliau berkata ADUN boleh menggunakan peruntukan tambahan itu bagi membeli hasil pertanian yang berdepan masalah untuk dipasarkan.

"ADUN boleh membeli hasil

pertanian ini secara pukal dan kemudian menyalurkannya kepada orang ramai yang memerlukan di kawasan mereka, dengan cara ini petani akan mendapat pulangan daripada hasil tanam mereka dan orang yang kurang berkemampuan dapat menikmati hasil tanaman seperti buah-buahan serta sayur-sayuran segar," katanya.

Yaacob berkata dengan cara itu juga, petani dapat meneruskan kerja bertani mereka bagi memastikan sumber makanan negara tidak terputus.

-- BERNAMA

Sumbangan dari Republik Rakyat China diterima



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menerima sumbangan seperti sarung tangan dan topeng muka daripada syarikat korporat dari Republik Rakyat China dan seterusnya diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Sabtu, 4 April. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyerahkan sumbangan berupa peralatan-peralatan perubatan dan perlindungan diri yang didermakan oleh agensi kerajaan juga beberapa syarikat korporat dari Republik Rakyat China kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Majlis penyerahan sumbangan diadakan di Bangunan Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini.

Antara barang yang disumbangkan, sebanyak 30,000 unit topeng muka (*mask*) daripada Foreign Affairs Office of Nanjing Municipal People's Government; 20,000 unit topeng muka, 10,000 sarung tangan (*gloves*) dan 1,000 unit *protective clothing* daripada Nanjing Chemical Construction Co. Ltd. dan NJNCC (B) Sdn. Bhd.; 5,000 unit topeng muka (*mask*) yang daripada

China State Construction; juga 10,000 unit topeng muka (*mask*) daripada China State Construction Engineering Corp. Ltd.

Barangan dan keperluan yang disalurkan adalah bagi kegunaan pesakit juga petugas perubatan yang diharap akan dapat membantu Kementerian Kesihatan melaksanakan tugas hariannya dalam pengurusan menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Selain untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan petugas yang berada di barisan hadapan, iaitu *non-medical* yang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam beberapa operasi bagi

mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penderma-penderma yang terdiri daripada agensi kerajaan dan beberapa syarikat korporat dari Republik Rakyat China berkenaan yang memberikan sumbangan ikhlas bagi sama-sama membantu langkah-langkah pencegahan penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Hubungan persahabatan di antara Bandar Seri Begawan bersama Nanjing, Republik Rakyat China dapat dipertingkatkan sejak tahun 2011, apabila kedua-dua bandar raya ini menjalin hubungan *sister-city* setelah menandatangani 'Memorandum of Understanding for Establishing Sister Cities between Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam and Nanjing, People's Republic of China' yang ditandatangani di hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Premier of State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wen Jiabao pada 21 November 2011.

Juga hadir pada majlis penyerahan tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong; Puan Lim HII Tuan sebagai wakil Nanjing Chemical Construction Co. Ltd. dan NJNCC (B) Sdn. Bhd.; Goh Hee Kuang dari China State Construction; Shan Zhi Gang dan Jin Chunshang dari China State Construction Engineering Corp. Ltd.; juga Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap daripada KHEDN dan Kementerian Kesihatan.

Terima sumbangan bagi tangani COVID-19

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 April. - Kementerian Kesihatan hari ini menerima sumbangan daripada beberapa buah syarikat.

Penyumbang tersebut ialah Aifa Sdn. Bhd. dengan sumbangan berupa AIFA Air Purifier, Aifa Ionic Air Purifier dan AIFA Water Dispenser di mana kesemua sumbangan sebanyak 10 unit yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Aifa Sdn. Bhd., Dr. Lau Sie Chuong. Ini diikuti dengan sumbangan daripada Ezy Printing Service & Trading Sdn. Bhd. berupa 6,000 keping Surgical Face Mask dan disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Dato Gilbert Tiong. Sumbangan seterusnya daripada Fu Zhou Shiyyi Association berupa AICARE Infrared Thermometer sebanyak 155 unit dan disampaikan oleh Presiden Persatuan tersebut, Mr. Jackson Ting. Sumbangan seterusnya daripada Happy Star Trading berupa Hetaida Non dan disampaikan oleh wakil mereka. Sementara itu juga, turut menyumbang ialah Hamilton Groups berupa 100 carton Clorox (4L) yang disampaikan oleh wakilnya. Juga memberikan sumbangan ialah New Village Mutual Aid Association Seria and Chinese Engineering Association berupa 581 helai Surgical Mask dan sumbangan disampaikan oleh Pengurus Persatuan tersebut.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan)

Kementerian Kesihatan, Haji Maswadi bin Haji Mohsin bertempat di Pusat Promosi Kesihatan, di sini.

Sementara itu, juga turut memberikan sumbangan ialah Zulkader & Company berupa cek berjumlah BND5,000 yang disampaikan oleh wakil mereka, Ohammad Ashmeer. Diikuti seterusnya sumbangan daripada Pizza Hut Brunei berupa cek berjumlah BND5,000 dan disampaikan oleh Pengurus Pemasaran mereka, Nur Faizah binti Ja'afar dan juga sumbangan daripada Syarikat Seri Ghanimi Contractor Sdn. Bhd. berupa cek berjumlah BND5,000 dan disampaikan oleh Pengurusnya, Haji Hadanan bin Haji Yahya. Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Pemangku Penolong Pengarah Kemajuan Projek, Kementerian Kesihatan, Awang Md. Shahrin bin Haji Sharbini yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sumbangan-sumbangan tersebut adalah sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dan sumbangan ihsan dari pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan menerima sumbangan AIFA Air Purifier, Aifa Ionic Air Purifier dan AIFA Water Dispenser dari Aifa Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Aifa Sdn. Bhd., Dr. Lau Sie Chuong.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

COVID-19: TERUS AMALKAN LANGKAH BERJAGA-JAGA

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجاں، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam